

SOALAN NO: 20

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
[TELOK KEMANG]
TARIKH : 22 MAC 2018
SOALAN : 20

Dato' Kamarul Baharin Bin Abbas [Telok Kemang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:

- a) pendekatan Kementerian dalam meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat berkaitan pendermaan organ memandangkan hanya terdapat seramai 0.46% daripada rakyat Malaysia yang telah mendaftar sebagai penderma organ; dan
- b) apakah organ utama yang paling tinggi keperluan pada masa kini oleh pesakit dan tumpuan Kementerian dalam meningkatkan gaya hidup sihat masyarakat berkaitan masalah organ tersebut .

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 31 Januari 2018, terdapat seramai 419,946 orang yang telah mendaftar sebagai penderma organ selepas kematian yang mewakili sebanyak 1.3% dari jumlah rakyat Malaysia pada ketika ini. Bagi mempertingkatkan bilangan penderma organ di kalangan rakyat Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah merangka Pelan

33

Strategik Kempen Kesedaran Pendermaan Organ pada tahun 2012. Di bawah pelan strategik ini, sebanyak 6 strategi telah digariskan iaitu:

- **Strategi 1:** Mensasarkan golongan muda sebagai target utama kempen bagi memastikan penerimaan dalam jangka masa panjang. Di antara inisiatif adalah usahasama kempen dengan pelbagai IPTA dan IPTS di seluruh Negara dan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memasukkan modul pendermaan organ di dalam program Doktor Muda di sekolah rendah dan menengah.
- **Strategi 2:** Menjalinkan jalinan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan. Ini termasuk kerjasama dengan Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan, Yayasan IJN, Lions Club dan agensi pengiklanan seperti 180 degrees Brandcom.
- **Strategi 3:** Memperkukuhkan struktur organisasi perkhidmatan transplantasi bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkesan dan efisien. Untuk ini, KKM telah mewujudkan Pusat Sumber Transplan Nasional dan Pusat Sumber Transplan Wilayah bagi menyelaraskan proses perolehan organ.
- **Strategi 4:** Menangani persepsi yang kurang tepat di kalangan masyarakat berkenaan pendermaan organ dari perspektif agama dan budaya. Untuk ini, KKM telah bekerjasama badan-badan agama seperti Institut Kefahaman Islam (IKIM), Buddhist Maha Vihara, Yayasan Amriteshwari, Sri Sathya Sai Baba dan Council of Churches Malaysia.

- **Strategi 5:** Penggunaan media massa dan media sosial sebagai saluran penyebaran maklumat. KKM telah menjalankan kempen melalui televisyen, radio dan media sosial seperti blog, facebook, twitter dan youtube serta menaiktaraf laman web www.dermaorgan.gov.my.
- **Strategi 6:** Mempertingkatkan kesedaran dan komitmen anggota-anggota kesihatan KKM. Anggota kesihatan diberi kesedaran dan latihan berterusan supaya dapat menguruskan proses pendermaan organ selain turut mempromosikan kesedaran terhadap pendermaan organ kepada masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 31 Januari 2018, pesakit buah pinggang tahap akhir adalah yang paling ramai sedang menunggu organ iaitu berjumlah 21,697 orang. Menurut *Malaysian Dialysis Transplant Registry 2015*, penyakit diabetes dan hipertensi merupakan faktor utama yang menyebabkan kegagalan buah pinggang tahap akhir.

Bagi menangani isu ini, Kementerian telah merangka Pelan Strategik Kebangsaan Untuk Penyakit Tidak Berjangkit (NCD) 2016-2025 yang menggariskan beberapa inisiatif termasuk Inisiatif Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN). KOSPEN merupakan inisiatif intervensi dalam komuniti yang bertujuan untuk memperkasakan komuniti ke arah pencegahan faktor risiko penyakit tidak berjangkit berteraskan kepada 5 skop asas iaitu pemakanan sihat, tidak merokok, gaya hidup yang aktif, pengurusan berat badan dan saringan faktor risiko penyakit tidak

35

berjangkit. Sehingga kini 6,018 lokaliti telah dibentuk di seluruh Negara dan sejumlah 40,000 sukarelawan telah dilatih.

KKM juga membangunkan Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia III, 2016-2025 untuk mengurangkan penyakit-penyakit tidak berjangkit berkaitan dengan pemakanan melalui usaha bersepadu pelbagai sektor ke arah mempromosikan pemakanan sihat dan cara hidup aktif. Purata penurunan pengambilan garam populasi adalah sebanyak 30% iaitu dari 8.7 gram sehari kepada 6.0 gram menjelang tahun 2025 pula adalah disasarkan melalui Pelan Tindakan Untuk Strategi Pengurangan Garam Malaysia (2015-2020).

SOALAN (21)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 22 MAC 2018
[KHAMIS]

DARIPADA : YB DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM
[BALING]

SOALAN :

YB DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM [BALING] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan kuota khas pemilikan rumah pertama serta harga istimewa untuk rumah tersebut kepada kaum wanita yang berstatus ibu tunggal bagi menjaga kebajikan ibu-ibu tunggal yang kurang berkemampuan.

37

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tiada dasar khusus atau kuota dan harga khas pemilikan rumah pertama untuk ibu tunggal seperti mana yang diberikan kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU). Di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR), KPKT telah memperuntukkan 1% daripada jumlah unit PPR untuk golongan OKU.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi menjaga kebajikan ibu tunggal dan kurang berkemampuan, KPKT memberi kelebihan dan keutamaan semasa penilaian sistem pemarkahan pemilihan peserta PPR yang dilaksanakan oleh Kementerian ini.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2018